

Kajian faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pencapaian pelajar Diploma Akauntansi bagi Kursus DPA40123 Audit 1 Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Mardiyana binti Marzuki¹ & Nirwani binti Nayan²

Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,
Jitra, Kedah, Malaysia.

Abstract: Kursus DPA40123 Audit 1 adalah satu kursus yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar semester 4 Diploma Akauntansi di Politeknik. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123 Audit 1 di Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Seseorang pelajar memerlukan faktor pendorong untuk memastikan diri mereka mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Responden yang terlibat adalah kesemua pelajar semester empat dan pelajar 'carry modul' seramai 65 orang yang mengambil kursus Audit 1 daripada program Diploma Akauntansi (DAT) Sesi 1 2023/2024 Jabatan Perdagangan, POLIMAS. Borang soal selidik diedarkan kepada 65 responden bagi tujuan pengumpulan data dan mengandungi 29 item kajian. Pencapaian pelajar diambil dari keputusan Peperiksaan Akhir kursus DPA40123 Audit 1 Sesi 1 2023/2024. Dapatan kajian mendapati bahawa minat, sikap, kaedah pembelajaran dan pengaruh rakan sebaya ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123-Audit 1 adalah tinggi dengan skor min keseluruhan adalah di antara 3.69-4.05. Faktor sikap, minat, kaedah pembelajaran, dan pengaruh rakan sebaya adalah perlu untuk meningkatkan pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123-Audit 1.

Key words: *pencapaian, sikap, minat, kaedah pembelajaran pelajar, rakan sebaya*

1.0 PENGENALAN

Kursus DPA40123 Audit 1 merupakan salah satu kursus teras yang perlu dipelajari oleh pelajar Diploma Akauntansi di POLIMAS pada semester empat (4) untuk melengkapkan pengkuliahan bagi mendapatkan Diploma Akauntansi. Kursus Audit 1 ini juga merupakan pra syarat bermaksud pelajar perlu lulus sebelum dibenarkan untuk mengambil kursus DPA50153 Audit 2 yang ditawarkan pada semester lima (5). Berdasarkan silibus yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik versi: 150221 Version 230419 -1-Effective June 2019, kursus ini mengandungi enam (6) bab yang perlu difahami dan dikuasai oleh pelajar sebelum menduduki peperiksaan akhir di penghujung semester. Antara bab yang tersedia ialah Bab 1: Introduction to Auditing, Bab 2: Objectives And Scope Of Financial Statement Audit (ISA 200), Bab 3: Internal Control System, Bab 4: Audit Planning And Audit Risk (ISA 500), Bab 5: Documentation And Sampling (ISA 230 and ISA 530), dan Bab 6: Audit Evidence and Audit Procedures (ISA 500).

Kursus ini memberikan 3 jam mata kredit dan setiap semester mempunyai 56 jam pembelajaran. Audit 1 ini merupakan kursus berbentuk teori dikenali sebagai kursus yang mencabar kerana pelajar perlu mengingati isi-isi penting yang dipelajari dalam kursus tersebut.

Ini membuatkan pelajar berasa tertekan dan susah untuk mengingatnya kerana kebiasaannya pelajar-pelajar Diploma Akauntansi lebih terdedah kepada kursus berbentuk pengiraan.

Merujuk kepada keputusan peperiksaan akhir pelajar-pelajar semester empat sesi 1 2023/2024 dan sesi sebelumnya bagi kursus DPA40123 Audit 1 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), pencapaian mereka tidak mencapai sasaran 100% lulus. Dari keputusan tersebut didapati tahap pencapaian gred pelajar adalah kurang memuaskan dimana kebanyakan pelajar hanya mendapat gred C dan gred D iaitu minimum untuk lulus. Terdapat juga pelajar yang gagal dalam peperiksaan kursus DPA40123 Audit 1 ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian kursus DPA40123 Audit 1 dalam kalangan pelajar POLIMAS. Terdapat empat faktor yang diukur iaitu faktor sikap, faktor minat, faktor kaedah pembelajaran, dan faktor rakan sebaya.

1.1 Pernyataan Masalah

Sesi Pengajian	SESI 1 2021/2022		SESI 2 2021/2022		SESI 1 2022/2023		SESI 2 2022/2023		SESI 1 2023/2024		Jumlah Pelajar
Bilangan Kelas	DAT (2 KELAS)		DAT (3 KELAS)		DAT (3 KELAS)		DAT (4 KELAS)		DAT (3 KELAS)		
Nilai Mata (x)	%	bilangan pelajar	%	bilangan pelajar	%	bilangan pelajar	%	bilangan pelajar	%	bilangan pelajar	
x<2.00	83.3	25	40.2	35	47.7	41	39.7	43	18.5	12	156
2.00<=x<3.00	16.6	5	47.1	41	33.7	29	45.6	49	44.6	29	153
3.00<=x<3.67	0	0	8	7	10.5	9	7.4	8	27.7	18	42
x>=3.67	0	0	4.6	4	8.2	7	7.4	8	9.2	6	25
Jumlah	100	30	100	87	100	86	100	108	100	65	376

Jadual 1 : Statistik pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123 Audit 1 bermula sesi 1 2021/2022 hingga sesi 1 : 2023/2024

Berdasarkan penelitian terhadap statistik keputusan untuk kursus DPA40123 Audit 1 bagi tempoh dua tahun setengah bermula sesi 1 2021/2022 hingga Sesi 1 2023/2024 (rujuk jadual 1), menunjukkan skor nilai mata tiga dan ke atas berada pada tahap rendah. Daripada jumlah keseluruhan pelajar seramai 376 orang, hanya 25 orang pelajar bersamaan 6.65% yang mencapai nilai mata 3.67 dan ke atas sementara hanya 42 orang pelajar bersamaan 11.63% sahaja yang berjaya mencapai nilai mata 3.00 hingga 3.67. Manakala jumlah yang paling tinggi seramai 156 orang pelajar bersamaan 41.5% yang mencapai nilai mata kurang daripada 2.00.

Seramai 153 orang pelajar bersamaan 40.69% yang mendapat nilai mata antara 2.00 hingga 3.00 sepanjang tempoh berkenaan. Skor pelajar didapati sangat rendah untuk mencapai nilai mata 3.67 dan ke atas. Statistik taburan skor ini juga menunjukkan majoriti pelajar hanya mencapai tahap lulus iaitu julat markah di antara 40 hingga 64 di mana julat nilai mata adalah 2.00 hingga kurang dari 3.00. Situasi ini amat membimbangkan pensyarah kursus kerana kursus ini merupakan pra syarat kepada pelajar untuk mengambil kursus lanjutan iaitu DPA50153 Audit 2.


Pelajar Diploma Akauntansi di politeknik ketika ini sudah terbiasa, lebih berminat dan cenderung dengan kursus berbentuk pengiraan. Dalam kursus Audit 1, terdapat enam (6) bab berbentuk teori dan tidak mempunyai sebarang topik pengiraan. Hal ini juga boleh menjadi salah satu punca para pelajar tidak mendapat keputusan yang baik kerana kursus ini dikategorikan sebagai kursus yang mencabar. Oleh yang demikian, timbul isu di mana pelajar kurang berminat terhadap kursus DPA40123 Audit 1 dan ini akan mempengaruhi sikap mereka terhadap kursus tersebut. Apabila pelajar tidak berminat dan mempunyai sikap yang negatif terhadap kursus berbentuk teori, besar kemungkinan pelajar tidak mendapat pencapaian yang cemerlang dalam kursus tersebut. (Fazlina Binti Abd Rahiman & Aniza Suriati Binti Abdul Shukor, 2017)

Dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji pencapaian pelajar terhadap kursus Audit 1 yang ditawarkan oleh Politeknik kerana keputusan peperiksaan akhir kurang memuaskan hampir setiap semester. Pencapaian prestasi yang kurang memuaskan ini sangat merunsingkan memandangkan ianya ialah salah satu kursus teras yang amat penting dalam bidang perakaunan. Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti apakah permasalahan yang timbul dalam kualiti keputusan kursus DPA40123 Audit 1 dalam kalangan pelajar, satu kajian tinjauan telah dijalankan yang bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian kursus DPA40123 Audit 1 dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS).

Diharapkan keputusan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak Politeknik dan pensyarah kursus dalam usaha mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam kursus ini pada masa yang akan datang.

1.2 Kerangka Konseptual

Bagi kajian ini, pengkaji mengadaptasi satu kerangka konsep yang dibentuk seperti Rajah 1. Terdapat dua pemboleh ubah untuk kajian ini iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada minat, sikap, gaya pembelajaran pelajar dan rakan sebaya. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah tahap pencapaian pelajar bagi kusus DPA40123 Audit 1.



Rajah 1 : Kerangka konseptual kajian, (Noraini Omar, 2008)

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk:

1. Mengenalpasti tahap minat ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123 Audit 1.
2. Mengenalpasti tahap sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123 Audit 1.
3. Mengenalpasti tahap kaedah pembelajaran ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123 Audit 1
4. Mengenalpasti tahap pengaruh rakan sebaya ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123 Audit 1

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap minat, sikap, kaedah pembelajaran dan pengaruh rakan sebaya ke atas pencapaian pelajar terhadap kursus DPA40123- Audit 1. Ini adalah berikutan pencapaian pelajar dalam subjek DPA40123-Audit 1 pada Semester Disember 2015 adalah tidak memuaskan. Bagi mengatasi masalah ini, maka kajian dilaksanakan dengan

mengandaikan faktor-faktor yang memberi kesan kepada pencapaian pelajar dalam kursus tersebut.

Hasil daripada kajian ini nanti diharap dapat digunakan untuk memperbaiki pencapaian pelajar dalam subjek berkenaan pada masa akan datang. Setelah mengenalpasti hubungan yang mempengaruhi pencapaian pelajar secara langsung, maka cara mengatasi masalah pencapaian pelajar yang kurang memuaskan akan dapat dilaksanakan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Kajian Tentang Minat

Minat yang tinggi terhadap sesuatu mata pelajaran dapat memberi pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian pelajar. Dalam kajian oleh Siti Hawa (2005), didapati bahawa minat mempunyai pengaruh yang positif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Rekaan Seni Visual. Pelajar yang berminat tinggi dalam mata pelajaran ini menunjukkan kesungguhan dan usaha yang luar biasa semasa mempelajari subjek tersebut.

. Menurut Zulzana dan rakan-rakannya (2011), minat adalah faktor penting yang mendorong pelajar untuk aktif dalam aktiviti pembelajaran. Apabila pelajar mempunyai minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti, mereka cenderung untuk meneroka dengan lebih mendalam dan melibatkan diri secara lebih aktif. Oleh itu, minat bukan sahaja meningkatkan keterlibatan pelajar tetapi juga membantu mereka mencapai pemahaman yang lebih mendalam dan pencapaian akademik yang lebih tinggi.

Nadzalinda (2015), menyatakan bahawa pelajar biasanya akan melakukan perkara yang mereka suka sahaja. Minat juga boleh mendorong pelajar untuk berusaha keras kerana ia boleh berfungsi sebagai daya penggerak dan mempunyai kesan yang besar kepada seseorang terhadap sesuatu mata pelajaran (Syaza, Sharini & Asmawati, 2014).

2.2 Kajian Tentang Sikap

Pelajar yang mempunyai pencapaian yang baik adalah seorang yang mempunyai sikap yang positif. Sikap merupakan suatu yang abstrak dan hanya akan dapat dilihat atau dirasa melalui tindakan yang diambil. Sekiranya pelajar mempunyai sikap yang positif dan menyedari betapa pentingnya bahasa yang mereka pelajari, mereka akan berusaha untuk menggunakan pelbagai kaedah untuk menguasai bahasa. Oleh itu, adalah jelas bahawa pelajar yang

optimistik, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya mencapai matlamat mereka, dan sebaliknya. (Zaliza dan Zaitul Azma, 2013).

Menurut Ahmad, Nurul Akmar, dan Saifullizam (2005), sikap dan minat mempunyai kaitan, iaitu apabila pelajar menganggap subjek itu sukar, mereka menjadi kurang berminat.. Manakala kajian (Abdullah & Ainon, 1986) pula menyatakan, sikap merujuk kepada keupayaan untuk melakukan sesuatu tanpa mengira kehendak kita. Sikap pelajar juga akan memberi kesan kepada prestasi mereka di sekolah dan di universiti (Jerie & Zamri, 2011).

2.3 Kajian Tentang Kaedah Pembelajaran

Zakariya dan Bamidele (2015) menyatakan bahawa pencapaian pelajar dalam subjek tertentu dipengaruhi sedikit oleh penetapan masa dan ulangkaji. Pelajar yang mengulangkaji secara tergesa-gesa menghadapi masalah kerana mereka tidak mempunyai cukup masa untuk mengulangkaji. Akibatnya, mereka mengalami tekanan dan keresahan sebelum peperiksaan (Zakariya & Bamidele, 2015). Kajian Norhani et al. (2005) merumuskan bahawa dua faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar di UTM ialah pembelajaran yang tidak konsisten dan kurang usaha untuk berusaha sendiri dengan mencari rujukan di perpustakaan.

2.4 Kajian Tentang Pengaruh Rakan Sebaya

Pengaruh rakan sebaya juga turut menjadi faktor penyumbang kepada prestasi pencapaian pelajar. Menurut Kamarudin (1989), pemilihan kawan yang baik dan cemerlang dalam mata pelajaran dapat memberi impak positif kepada pencapaian akademik pelajar, sementara pemilihan kawan yang tidak sesuai boleh membawa kepada kegagalan dalam pelajaran.

Kajian Habibah (1997) mengukuhkan idea ini dengan menekankan bahawa rakan sebaya mempunyai pengaruh yang signifikan dalam pencapaian akademik remaja. Persamaan minat, nilai, dan aktiviti antara rakan sebaya boleh membentuk persekitaran yang memudahkan pertukaran nilai, sikap, dan pemikiran. Ini menunjukkan bahawa rakan sebaya bukan sahaja memainkan peranan dalam membantu pelajar dalam pelajaran, tetapi juga dalam membentuk aspek nilai dan sikap yang berkaitan dengan pencapaian akademik.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan dilaksanakan secara kuantitatif dan akan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar semester empat (4), lima (5) dan enam (6) yang mengulang kursus DPA40123 Audit 1 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah pada sesi 1 2023/2024 iaitu seramai 65 orang. Data diperolehi dengan mengedarkan borang soal selidik melalui sebaran link 'Google Form' kepada kesemua 65 orang pelajar yang mengambil kursus ini melalui pensyarah kursus masing-masing. Borang soal selidik mengandungi 29 item yang dibahagikan kepada 5 bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat pelajar di mana pelajar perlu menandakan pada kotak jawapan di ruang kosong yang disediakan. Bahagian B mengandungi 7 item yang mengukur tahap minat pelajar, bahagian C 8 item yang mengukur tahap sikap, manakala bahagian D 7 item yang mengukur tahap kaedah pembelajaran dan bahagian E 7 item mengukur tahap pengaruh rakan sebaya ke atas kursus DPA40123-Audit 1. Untuk item di Bahagian B dan C soal selidik ini telah diubah suai berdasarkan soal selidik kajian oleh (Ramlee Mustapha & Norani Mohd Salleh, 2007) dan bahagian D dan E diubah suai berdasarkan soal selidik (Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh, 2005) dengan menggunakan kaedah Likert Lima (5) mata ukuran. STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, Kurang Setuju = KS, S = Setuju, SS = Sangat Setuju.

4.0 ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

4.1 Analisis Data

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan hasil kajian ini. Borang soal selidik dan pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Akhir Sesi 1 2023/2024 untuk kursus DPA40123-Audit 1 dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 27 bagi mendapatkan data yang tepat. Dapatan analisis dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratusan, kekerapan, dan min. Nilai skor min dikelaskan kepada tiga tahap iaitu:

Jadual 1 Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
0.0 hingga 1.66	Rendah dan tidak memuaskan atau tidak perlu Sangat Rendah
1.67 hingga 3.33	Sederhana dan agak memuaskan atau agak perlu
3.34 hingga 5.00	Tinggi dan Sangat memuaskan atau sangat perlu

4.2 Dapatan Kajian

Di bawah ini adalah dapatan dan perbincangan hasil kajian mengenai faktor minat, sikap, kaedah pembelajaran dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian pelajar dalam kursus DPA40123-Audit 1. Kajian ini difokuskan kepada pelajar semester empat (4) dan pelajar mengulang kursus iaitu semester lima (5) dan enam (6) dalam program Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Jadual 4.2.1 Jantina

	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	14	22
Perempuan	51	78
Jumlah	65	100.0

Jadual 4.2.1 di atas menunjukkan status jantina responden iaitu lelaki terdiri daripada 14 orang dan perempuan seramai 51 orang. Nilai peratusan mewakili responden lelaki ialah 22%. Manakala, responden perempuan ialah 78%.

Jadual 4.2.2 Bangsa

	Frekuensi	Peratusan
Melayu	47	72
Cina	8	12
India	8	12
Lain-lain	2	4
Jumlah	65	100.0

Jadual 4.2.2 di atas menunjukkan responden terdiri daripada empat (4) bangsa iaitu Melayu, Cina, India dan Lain-lain. Jadual menunjukkan bahawa bilangan responden Melayu adalah lebih tinggi, dengan peratusan sebanyak 72% yang mewakili 47 orang. Seterusnya diikuti dengan responden India dan Cina dengan jumlah kekerapan yang sama iaitu 8 orang dengan peratusan 12% masing-masing. Responden yang terakhir adalah terdiri daripada bangsa lain-lain dengan peratusan sebanyak 4% atau 2 orang.

Jadual 4.2.3 Kelas

	Frekuensi	Peratusan
DAT4A	9	14
DAT4B	11	17
DAT5A	14	22

DAT5B	7	11
DAT5C	10	15
DAT6A	5	8
DAT6B	4	5
DAT6C	5	8
Jumlah	65	100

Jadual 4.2.3 menunjukkan bilangan responden terdiri daripada pelajar kelas DAT4A, DAT4B, DAT5A, DAT5B, DAT5C, DAT6A, DAT6B dan DAT6C iaitu seramai 65 orang. Kesimpulan yang boleh dibuat ialah majoriti yang menjawab soal selidik ini adalah pelajar semester lima (5) iaitu seramai 31 orang atau 48% berbanding responden semester empat (4) seramai 20 orang atau 31% responden. Manakala kelas DAT6A, DAT6B dan DAT6C iaitu seramai 14 orang atau 21% responden. Kesimpulannya, berdasarkan jadual di atas jelas menunjukkan peratusan pelajar kelas DAT5 dan DAT6 lebih ramai bilangan responden yang terdiri daripada pelajar mengulang kursus berbanding kelas semasa iaitu DAT4A dan DAT4B.

Jadual 4.2.4 Gred		
	Frekuensi	Peratusan
A	2	3
A-	4	6
B+	8	12
B	10	15
B-	8	12
C+	11	18
C	10	15
C-	5	8
D+	3	5
D	4	6
Jumlah	65	100

Merujuk Jadual 4.2.4, didapati 24 orang pelajar, atau 36% mencapai tahap tinggi dan 29 orang atau 45% mencapai tahap sederhana. Manakala, 12 orang pelajar atau 19% mendapat pencapaian yang rendah. Kesimpulannya, peratusan analisis pencapaian pelajar dalam kursus DPA3043 Sesi Disember 2015 berada paada tahap sederhana.

Jadual 4.2.5: Minat Pelajar Terhadap Krusus DPA40123 AUIDT 1

Item	Penyataan	Min	Interpretasi
1	Saya amat gembira berpeluang mempelajari kursus DPA40123-Audit 1	3.89	Tinggi
2	Saya sentiasa bersemangat apabila menghadiri kelas DPA40123-Audit 1	3.88	Tinggi

3	Saya sering berjumpa dengan pensyarah di luar waktu kuliah apabila menghadapi masalah dalam memahami sesuatu topik dalam kursus audit	3.54	Tinggi
4	Saya selalu ke perpustakaan dengan tujuan untuk mendapatkan bahan bacaan tambahan untuk kursus DPA40123 Audit 1	3.12	Sederhana
5	Saya sentiasa menunggu kelas kursus DPA40123-Audit bermula	3.88	Tinggi
6	Saya sentiasa mempunyai kesungguhan untuk mendapatkan markah yang tinggi dalam setiap ujian, kuiz dan tugasan.	4.29	Tinggi
7	Saya sering bertanya terhadap perkara yang tidak difahami dalam sesuatu topik semasa sesi kuliah dijalankan	3.75	Tinggi
Skor min keseluruhan		3.76	

(Ramlee Mustapha&Norani Mohd Salleh, 2007)

Jadual 4.2.5, menunjukkan bahawa min yang paling tinggi 4.29 ialah min untuk item 6 iaitu Saya sentiasa mempunyai kesungguhan untuk mendapatkan markah yang tinggi dalam setiap ujian, kuiz dan tugasan. Ini menunjukkan pelajar mempunyai minat dan sentiasa berusaha untuk mendapat markah yang tinggi dalam kursus DPA40123-Audit 1. Item 4 yang mana pelajar selalu ke perpustakaan untuk mendapatkan bahan bacaan tambahan bagi kursus DPA40123-Audit 1 mendapat nilai skor min yang rendah iaitu 3.12. Berdasarkan nilai skor min keseluruhan, tahap minat pelajar terhadap kursus DPA40123 Audit 1 adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat dalam kursus ini

Jadual 4.2.6: Sikap Pelajar Terhadap Kursus DPA40123 AUDIT 1

Item	Penyataan	Min	Interpretasi
1	Saya suka menghadiri kelas kursus DPA40123 Audit 1	3.94	Tinggi
2	Saya suka berinteraksi dengan pensyarah ketika mengikuti kelas kursus DPA40123 Audit 1	3.97	Tinggi
3	Saya tidak suka berbual-bual semasa pensyarah mengajar kursus DPA40123 Audit 1	3.74	Tinggi
4	Saya sentiasa ingin datang awal ke kelas bagi mengikuti kursus DPA40123 Audit 1 .	4.03	Tinggi
5	Saya bersedia menyiapkan tugasan DPA40123 Audit 1 dalam masa yang ditetapkan	4.18	Tinggi
6	Saya akan bertanya kepada pensyarah jika tidak memahami latihan atau konsep kursus DPA40123 Audit 1	3.98	Tinggi

7	Saya perlu memahami kursus DPA40123 Audit 1 ini sebagai persediaan menghadapi kursus yang lebih sukar.	4.14	Tinggi
8	Tumpuan yang lebih harus diberikan terhadap kursus DPA40123 Audit 1 untuk mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang.	4.34	Tinggi
Skor min keseluruhan		4.04	

(Ramlee Mustapha&Norani Mohd Salleh, 2007)

Berdasarkan jadual 4.2.6, secara keseluruhan tahap sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123-Audit 1 adalah tinggi dengan skor min melebihi 3.34 ke atas merujuk kepada interpretasi skor min. Ini menggambarkan sikap pelajar yang positif bagi kursus ini. Skor min yang tertinggi bagi sikap ialah item 8 iaitu 4.34 di mana pelajar perlu memberi tumpuan yang lebih untuk memahami kursus, seterusnya mendapat keputusan yang cemerlang. Manakala skor min yang paling rendah, 3.74 adalah item 3 iaitu saya tidak suka berbual-bual semasa pensyarah mengajar kursus DPA40123 Audit 1. Secara keseluruhannya, tahap sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123-Audit adalah tinggi dengan skor min keseluruhan adalah 4.04. Ini menggambarkan bahawa sikap pelajar adalah positif bagi kursus ini.

Jadual 4.2.7 : Kaedah Pembelajaran Pelajar Terhadap Kursus DPA40123 AUDIT 1

Item	Penyataan	Min	Interpretasi
1	Pada keseluruhannya, tugas yang diberikan banyak membantu saya dalam meningkatkan prestasi dalam kursus DPA40123 Audit 1 .	4.23	Tinggi
2	Belajar secara berkumpulan banyak membantu saya dalam memahami kursus DPA40123 Audit 1.	4.00	Tinggi
3	Persaingan yang wujud di antara saya dan rakan-rakan sekuliah banyak membantu saya dalam meningkatkan prestasi saya dalam kursus DPA40123 Audit 1.	4.03	Tinggi
4	Saya sering tidak bertanggung dalam menyiapkan tugas yang diberikan.	3.94	Tinggi
5	Saya akan meminta pensyarah untuk memberi penjelasan semula sekiranya saya kurang jelas dengan apa yang telah disampaikan oleh beliau.	4.05	Tinggi
6	Saya banyak membuat latihan dan bacaan tambahan untuk kursus DPA40123 Audit 1 yang diperolehi dari buku rujukan dan soalan-soalan peperiksaan tahun lepas.	3.82	Tinggi
7	Sebelum peperiksaan saya mengulangkaji semula soalan penilaian berterusan yang diberikan oleh pensyarah, soalan peperiksaan tahun lepas dan nota-nota yang telah dibuat	4.31	Tinggi

Skor min keseluruhan**4.05**

(Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh , 2005)

Berdasarkan jadual 4.2.7, tahap kaedah pembelajaran pelajar ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123-Audit 1 secara keseluruhan juga adalah tinggi dengan skor min keseluruhan adalah 4.05. Skor min yang tertinggi bagi kaedah pembelajaran pelajar ialah item 7 iaitu 4.31: di mana sebelum peperiksaan akhir, pelajar akan mengulangkaji semula soalan-soalan yang diberikan oleh pensyarah dan melakukan perbincangan soalan peperiksaan lepas untuk membantu pelajar dalam memahami kursus DPA40123 Audit 1. Manakala skor min yang paling rendah, 3.82 adalah item 6 iaitu saya banyak membuat latihan dan bacaan tambahan untuk kursus DPA40123 Audit 1 yang diperolehi dari buku rujukan dan soalan-soalan peperiksaan tahun lepas. Pengkaji dapat membuat kesimpulan di sini, pelajar kurang berminat untuk mendapatkan bahan bacaan tambahan untuk memahami kursus ini dan pelajar kebiasaannya suka mengulangkaji di saat akhir dengan melakukan soalan-soalan pada semester lepas. Oleh yang demikian, pendidik perlulah sentiasa peka dengan mempelbagaikan sesi pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat para pelajar dengan mempelbagai kaedah latihan untuk menggalakkan pelajar melakukan bacaan tambahan.

Jadual 4.2.8 : Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Kursus DPA40123 AUDIT 1

Item	Penyataan	Min	Interpretasi
1	Saya dapat mempelajari banyak perkara melalui rakan	3.91	Tinggi
2	Saya dan rakan akan mengulangkaji kursus DPA40123 Audit 1 ini bersama-sama untuk menghadapi peperiksaan.	3.74	Tinggi
3	Saya mempunyai rakan yang banyak membantu saya untuk memberi pendapat tentang masalah saya berkaitan kursus DPA40123 Audit 1	3.72	Tinggi
4	Saya dan rakan saya saling membantu dalam menyiapkan tugas kursus DPA40123 Audit 1	4.03	Tinggi
5	Kejayaan rakan-rakan saya amat mempengaruhi keputusan peperiksaan kursus DPA40123 Audit 1 saya.	3.71	Tinggi
6	Saya cemburu dengan kejayaan rakan-rakan saya dalam kursus DPA40123 Audit 1 ini.	3.11	Sederhana
7	Saya suka belajar bersendirian dalam kursus DPA40123 Audit 1 ini	3.63	Tinggi
	Skor min keseluruhan	3.69	

(Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh , 2005)

Jadual 4.2.8, menunjukkan bahawa min yang paling tinggi 4.03 ialah min untuk item 4 iaitu Saya dan rakan saya saling membantu dalam menyiapkan tugas kursus DPA40123 Audit 1. Item 6: saya cemburu dengan kejayaan rakan-rakan saya dalam kursus DPA40123 Audit 1 ini mendapat nilai skor min yang rendah iaitu 3.11. Ini menunjukkan pelajar saling membantu dengan rakan dalam menyiapkan tugas kursus DPA40123 Audit 1 dan mereka mempelajari banyak perkara melalui rakan. Secara keseluruhannya, pengaruh rakan sebaya ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123-Audit adalah tinggi dengan skor min keseluruhan adalah 3.69. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa faktor rakan sebaya mempengaruhi pelajar terhadap kursus DPA40123 Audit 1.

Jadual 4.2.9: Tahap pencapaian pelajar bagi kursus DPA40123-Audit 1

Tahap	Mata Gred	Frekuensi (N=65)	Peratus (%)
Tinggi	$3.00 \leq x$	24	36.9
Sederhana	$2.00 \leq x < 3.00$	29	44.6
Rendah	$x < 2.00$	12	18.5

Berdasarkan Jadual 4.2.9, didapati tahap pencapaian pelajar dalam kursus DPA40123-Audit 1 bagi Sesi 1 2023/2024 adalah berada pada tahap sederhana (44.6%). 36.9% pelajar berada pada tahap tinggi manakala terdapat 18.5% pelajar berada di tahap rendah bagi kursus DPA40123-Audit 1. Daripada 17.1% pelajar yang berada di tahap pencapaian rendah, terdapat juga pelajar yang gagal kursus ini untuk Sesi 1 2023/2024.

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian yang diperolehi secara keseluruhan, mendapati pelajar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap minat, sikap, kaedah pembelajaran dan pengaruh rakan sebaya yang tinggi ke atas pencapaian pelajar dalam kursus DPA40123 Audit 1. Minat dan sikap yang positif akan memberikan kesan yang baik kepada pelajar, mendorong mereka untuk berfikir secara kreatif, boleh bekerjasama dalam kumpulan, meningkatkan kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi, menjadi lebih aktif dalam kelas, mewujudkan suasana harmoni, serta

meningkatkan kemahiran insaniah. Ini juga akan memampukan pelajar untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik, sama ada secara individu atau dalam kumpulan.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada pendidik-pendidik politeknik supaya mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat pelajar dalam kursus pengauditan. Antara kaedah yang boleh dilakukan ialah dengan mendedahkan pelajar kepada dunia sebenar dengan membuat lawatan luar ke industri dan sebagainya.

RUJUKAN

- Hafizah Abdul Razak (2015). *Hubungan Antara Big Five Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar*. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- Mazalan, M. (2012). *Faktor Yang Berkaitan Dengan Pencapaian Matematik Pelajar Melayu Sekolah Menengah Agama Daerah Pontian*. Doctoral Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Education.
- Mustapha, M. (2001). *Masalah-Masalah Yang Dihadapi Dan Pengaruhnya Terhadap Pencapaian Pembelajaran di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Satu Tinjauan*. Doctoral Dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Abdullah, G., & Sihes, A. J. (1999). *Pengaruh Pencapaian Matematik Pmr Terhadap Prestasi Dalam M. pelajaran Fizik* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Ahmad Rizal, Nurul Akmar & Saifullizam. (2005). *"Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Menguasai Mata Pelajaran Kejuruteraan Di Politeknik-Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia"*. Prosiding Seminar Pendidikan Jppg
- Razali, M. S. M., & Raop, N. A. (2019). *Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar sarjana muda psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)*. Jurnal Sains Sosial, 3(1), 77-87.
- Zulzana Binti Zulkarnain, Mohamed Bin Saim, Roslina Binti Abd Talib. (2011). *Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus CC301 – Quantity Measurement*.
- Siti Hawa Mohd Nawawi. (2005). *Perbandingan Pencapaian dan Sikap Pelajar dengan Tahap Pengetahuan Sedia Ada dalam Kajian Rekaan Seni Visual*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.



- Noraini Omar. (2008). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan, Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Sarawak*.
- Abdullah & Ainon. (1986). *Daya pengaruh dan perubahan sikap*. Kuala Lumpur.: Utusan Publications and Distributions Sdn Bhd.
- Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh . (2005). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai matapelajaran kejuruteraan di politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG*.
- Fazlina Binti Abd Rahiman& Aniza Suriati Binti Abdul Shukor. (2017). Hubungan minat dan sikap terhadap pencapaian pelajar dalam kursus DPA3043 – Auditing. *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17), Politeknik Sultan Azlan Shah*.
- Jerie Anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 1(1), 13-25.
- Norhani B., Noor Z.A.R, Hamidah A.R dan Aminah A.K. (2005). Punca Prestasi Pembelajaran Pembelajaran yang Lemah Di Kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Jurnal Teknologi*, 43(E), ms 29-44.
- Ramlee Mustapha&Norani Mohd Salleh. (2007). Self-fulfilling prophecy and digital devide revisited: vocational and it competencies of special population in Malaysia. *Malaysia Journal of Social Work*, 6(1), 33-65.
- Zakariya, Y. F. & Bamidele, E.F. (2015). Investigation Into The Causes Of Poor Academic Performance In Mathematics Among Nigerian Undergraduate Students. *World Journal of Social Science And Humanities*, vol 1, No 1.1-5.
- Zurina Binti Abdul Kadir. (2019). Kajian terhadap minatdan sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education*, 3 (4): 22-28, 2019.